



EKSKLUSIF SERIES

# NOTA WEBINAR

WEBINAR PENGETAHUAN SEKSUAL DAN HUBUNGAN INTIM : SIRI 1

Topik : Apa Yang Menikmatkan  
Lelaki Dalam Hubungan Intim

**WEBINAR  
PENGETAHUAN SEKS  
DAN HUBUNGAN INTIM**

bymahkotaputehGNB



## **WEBINAR PENGETAHUAN SEKSUAL DAN HUBUNGAN INTIM**

### *“Apa Yang Menikmati Lelaki Dalam Hubungan Intim”*

Nota webinar ini merupakan himpunan isi penting yang dikongsikan dalam live webinar oleh Mahkota Puteh dan turut dikongsikan di dalam nota ini penambahan info-info yang lain. Nota webinar ini boleh dijadikan panduan kepada para peserta untuk mengulangkaji siri webinar ini. Semoga bermanfaat untuk kita semua. Sekian, terima kasih.

Topik : Apa Yang Menikmati Lelaki Dalam Hubungan Intim

## **APA YANG ANDA AKAN BELAJAR DALAM SIRI WEBINAR INI :**

- Rahsia memahami seksual lelaki
- 4 fasa seksual lelaki
- 5 perkara yang lelaki paling inginkan berkaitan seks
- 7 cara bagi menakluki syahwat lelaki
- Perjalanan nikmat seks seorang lelaki
- 8 perkara membuatkan zakar lelaki tegang
- Hal yang membuatkan ereksi zakar lemah
- dan banyak lagi berserta sesi bersoal jawab dengan panel



Untuk mendapatkan penerangan dan huraian yang lebih jelas bagi setiap subtopik., sila dengar Rakaman Live Sesi Webinar GNB, Mahkota Puteh Siri 1 ini.

Saranan Panel Pengisi :

Nota ini sangat menarik, jelas dan akan lebih difahami penyampaiannya sambil anda mendengar ulasan daripada Mahkota Puteh. Selamat Meneroka Nafkah Batin.

# APA YANG MENIKMATKAN LELAKI DALAM HUBUNGAN INTIM?

## PENGENALAN

Seksualiti adalah fitrah yang perlu kita hadapi. Fitrah itu perlu dipelihara agar seks tidak jatuh kepada perkara yang haram atau melakukan apa-apa yang melibatkan perbuatan yang boleh membawa kepada salah laku penyimpangan seksual.

Tugas kita adalah:

1. Memelihara diri dan pasangan daripada terjerumus melakukan perkara yang salah dan hal yang ditegah oleh agama
2. Salurkan seks pada saluran yang betul iaitu perkahwinan dan lakukanlah bersama dengan pasangan yang halal



نِسَاؤُكُمْ حَرْثٌ لَّكُمْ فَأَتُوا حَرْثَكُمْ أَنَّى شِئْتُمْ  
وَقَدِّمُوا لِأَنفُسِكُمْ وَاتَّقُوا اللَّهَ وَاعْلَمُوا  
أَنَّكُمْ مُلَاقُوهُ وَبَشِّرِ الْمُؤْمِنِينَ

Isteri-isterimu adalah (seperti) tanah tempat kamu bercocok tanam, maka datangilah tanah tempat bercocok-tanammu itu bagaimana saja kamu kehendaki. Dan kerjakanlah (amal yang baik) untuk dirimu, dan bertakwalah kepada Allah dan ketahuilah bahwa kamu kelak akan menemui-Nya. Dan berilah kabar gembira orang-orang yang beriman.

## Bila berkahwin, adakah seks ini perlu belajar atau difahami sendiri?

Seks adalah pecahan bab taharah dan akil baligh. Pengetahuan yang terperinci tentang seks itu tidak lagi diajar apabila kita mulai dewasa, kerana seks dilihat hal yang taboo untuk dikongsikan. Berdasarkan Khazanah Seksual Melayu Lama, orang dulu menyalurkan info dan ilmu pengetahuan seks melalui penulisan. Oleh itu, **pengetahuan seksual ini memang perlu dipelajari bukannya hal yang mampu pandai sendiri.**


Namun, bagaimana cara mempelajarinya dan cara untuk menemui pengetahuan seks yang benar, inilah perkara yang menjadi persoalan utama yang mesti dirungkaikan.



Pengetahuan seks ini tidak hanya fokus pada teknik atau cara seseorang melakukan seks tetapi kepada perkara yang lebih besar daripada itu. Ia melibatkan hal yang akan mendorong kita **memahami bagaimana seks dan nikmat itu diperolehi, bagaimana untuk menguruskan isu-isu seksual yang mungkin dihadapi, mengetahui perbezaan psikologi, anatomi, fisiologi, biologi seks lelaki perempuan, mempelajari di manakan terletaknya nikmat seks bagi suami isteri dalam seks, cara menguruskan perubahan seks yang boleh berlaku disebabkan kehamilan atau peningkatan usia seseorang, memahami selok belok tubuh badan bagi fungsi seksual dan bermacam lagi.**

# SISTEM PEMBIAKAN LELAKI


Berfungsi menghasilkan, menyimpan dan menyalurkan sperma keluar dari badan



## Bahagian dan Fungsi


BAHAGIAN	FUNGSI
Testis	Menghasilkan sperma dan hormon testoteron
Duktus Sperma	Membawa sperma dari testis ke uretra
Skrotum	Struktur menempatkan dan melindungi testis
Uretra	Saluran untuk menyalurkan sperma keluar dari badan
Vesikel simen	Menghasilkan bendalir semen untuk mengaktifkan sperma
Zakar	Organ yang masuk ke dalam faraj untuk membawa masuk sperma
Kelenjar prostat	Mengeluarkan rembesan bagi keaktifan sperma

# PERKEMBANGAN TUBUH LELAKI SEMASA AKIL BALIGH



KANAK-KANAK LELAKI (USIA 9 TAHUN)

- Belum akil baligh
- Otot badan belum mengembang sepenuhnya
- Kemaluan belum matang dan licin tidak berbulu
- Zakar dan buah zakar bersaiz kecil. Air mani belum dihasilkan



REMAJA LELAKI (USIA 18 TAHUN)

- Sudah akil baligh
- Otot badan telah mengembang sepenuhnya membentuk tubuh yang sado
- Kemaluan sudah matang dan berbulu lebat.
- Buah zakar mampu menghasilkan air mani dan dipancarkan melalui batang zakar

Zaman kini, masyarakat mengambil jalan mudah dengan menonton pornografi yang jelas berdosa dan bahaya, tiada info dan pengetahuan padanya. Perbuatan ini hanya mencipta ketagihan dan kerosakan.



**Lagi, apakah ada sebab lain kenapa perlu belajar?**

Orang zaman dulu, mereka tahu bahawa pengetahuan berkenaan seksual akan berubah seiring dengan peningkatan usia perkahwinan. **Apa yang mereka lakukan adalah adaptasi (penyesuaian). Mereka sentiasa menjaga dan memelihara hubungan daripada sebarang konflik dengan menjadikan pengetahuan sebagai asas tindakan.**

Namun, berbeza dengan zaman sekarang dimana apabila berlakunya peningkatan usia perkahwinan maka banyak kes menyebabkan hubungan semakin hambar dan lesu. Itulah penting pengetahuan seksual ini dipelajari. Tujuannya untuk meneroka dan menakluki rahsia disebalik penciptaan lelaki dan perempuan, semua pengetahuan ini ada dikongsikan dalam khazanah-khazanah seksual Melayu yang ditinggalkan oleh generasi terdahulu.

**Apabila belajar, kita akan lebih mengetahui cara menikmati seks tersebut.** Rasa berahi, rasa bersyahwat untuk bersama ini seperti rasa lapar. Cara melepaskan kelaparan dengan cara makan. Begitulah juga seperti berahi, ianya perlu dilepaskan agar rasa gelojak tersebut kembali tenang, caranya adalah **dengan hubungan seksual dan juga melakukan persetubuhan yang memuaskan antara suami isteri.**



**..”BAHAGIA bukan berarti melihat diri sendiri tersenyum, tetapi bagaimana kita dapat melihat orang lain tersenyum kerana KEBAIKAN DAN KEWUJUDAN KITA”...**

Mahkota Puteh, 2024

## APA YANG MENIKMATKAN LELAKI?

**NIKMAT** adalah satu rasa yang didapati oleh seseorang itu di saat bergelajak kemudian disusuli rasa yang terangkat kerana keinginan seks yang berjaya dipenuhi. Tubuh kita mempunyai fungsi yang berperanan untuk seks maka keperluan ini pada tubuh mesti dipenuhi. Sekiranya, keperluan ini tidak dipenuhi maka boleh beri gejala yang tidak sihat atau gangguan pada fikiran, jiwa, emosi dan kesihatan badan seseorang.

### Apakah tanda pada tubuh lelaki yang menunjukkan fungsi seksual?

= **Zakar menegang/ereksi** – tubuh menunjukkan isyarat menerima rangsangan luar atau sama ada mahu dirangsang atau ingin merangsang.


Zakar seseorang lelaki boleh menegang/berereksi dalam beberapa keadaan iaitu :

- a. **Morning wood** – berlaku sebelum subuh semasa tidur. Fenomena ini memberi tanda bahawa zakar sihat apabila berupaya menegang.
- b. **Rangsangan luar** – apa-apa yang menjadi tarikan seksual kepada seorang lelaki seperti bau, bunyian, kecantikan dll
- c. **Mahu dirangsang** – lelaki menyediakan dirinya untuk dirangsang, disentuh dan dibelai secara seksual agar timbul rasa seronok dan nikmat dengan cara yang berbeza
- d. **Ingin merangsang** – lelaki akan bertindak seksual dengan memberikan stimulasi serta rangsangan terhadap pasangan untuk melepaskan gelajak seks yang bergelora

Hubungan seksual vs hubungan jimak/persetubuhan :


1. Hubungan seksual tidak semestinya berlaku persetubuhan.
  - a. Ia merupakan keadaan di mana seseorang lelaki itu masih mampu berejakulasi – memancutkan air mani, berada di puncak syahwat tapi tidak melalui persetubuhan
2. Hubungan jimak pula adalah hubungan seks tapi mesti berlakunya istimta' dan ad-dukhul antara suami isteri itu.
  - a. Istimta' – bersedap-sedapan antara suami isteri; dan
  - b. Ad-dukhul – memasukkan sekurang-kurangnya kepala zakar ke dalam faraj atau zakar berjaya tenggelam penuh ke dalam lubang faraj

Oleh itu, tentunya apa yang menikmati lelaki adalah **setelah zakarnya menegang, zakar itu dirangsang dengan lebih baik untuk mencapai tahap ereksi yang maksimum kemudian dengan keupayaan zakar begitu lelaki itu melakukan persetubuhan yang memuaskan dengan aksi-aksi seks yang mengujakan dalam posisi-posisi seks yang menikmati sehingga membuatkan lelaki itu berejakulasi memancutkan maninya.**



Kenikmatan seks seseorang boleh didapati dan dibina melalui


- 2 perkara iaitu ;
1. **Pengalaman**
  2. **Pengetahuan**



Berapakah anggota dominan jimak dan seks lelaki?... **DUA.**

1. Minda – fikiran melalui jalan visual
2. Alat kelamin - zakar

**Untuk mendapatkan rasa kenikmatan itu, 2 anggota ini perlu dirangsang/diforeplay sebaiknya.**




Tahukah anda?

Disebabkan itu, propaganda barat memainkan elemen visual dengan sangat dahsyat melalui pornografi untuk menarik perhatian dan merangsang fikiran lelaki khususnya. Kesannya dapat merosakkan kesihatan akal, pemikiran sehingga membawa kepada ketagihan lalu terpengaruh, akhirnya timbul rasa ingin mencuba dan berlakulah penyimpangan seksual. Apa yang dipertontonkan dalam porno jauh berbeza dengan realiti seks dengan pasangan.

**JAUHILAH PORNOGRAFI!!!**

## BENTUK-BENTUK MASALAH EJAKULASI LELAKI YANG TIDAK NORMAL




Ejakulasi lelaki apabila berada di puncak syahwat

Untuk seorang lelaki mencapai ejakulasi dalam arena seksual dengan terpancut air maninya, syarat utama bagi ke tahap ini zakar mestilah sangat keras, tegang dan berereksi penuh. Namun, berdasarkan kes-kes seksual yang boleh terjadi melibatkan **masalah ejakulasi lelaki ini maka bolehlah ia dibahagikan kepada 4 tahap masalah, ia berdasarkan pesakit-pesakit yang hadir untuk dapatkan nasihat dan rawatan daripada Pakar Sakit Tuan, Dr Ismail Tambi iaitu :**

- i. Cepat ejakulasi (premature ejaculation)
- ii. Lewat ejakulasi (retarded ejaculation) atau (delayed ejaculation)
- iii. Tiada ejakulasi kerana tidak dapat mencapai klimaks
- iv. Lelaki yang mengalami klimaks tetapi tiada ejakulasi (tiada air mani)

# TAHUKAH ANDA?

Urut zakar menentukan panjang zakar



Oleh kerana zakar itu dipenuhi dengan banyak saraf-saraf maka pengaliran darah yang baik dan lancar di bahagian zakar akan mempengaruhi tahap ereksi dan ketahanan ereksi zakar seseorang lelaki. Apabila semua urat saraf zakar dalam keadaan baik maka ia akan membuatkan panjang zakar berada di tahap maksimum ketika berereksi. Sebab itu, perlu pastikan aliran darah di zakar dalam keadaan baik serta elakkan perkara yang boleh membuatkan saluran, urat saraf pada zakar bermasalah. Berkaitan kebesaran saiz zakar ia dipengaruhi oleh baka, bangsa serta tahap kesihatan seseorang.

## REALITI SEKS LELAKI

Meskipun, lelaki adalah makhluk yang mudah di turn on untuk seks dan biasanya merekalah yang sering bertindak beri rangsangan apabila mereka berghairah namun mereka tetap memerlukan stimulasi yang hebat, kreatif, aktif dan agresif daripada pasangan.

Tidak semua keadaan lelaki akan sentiasa dominan dan memulakan sentuhan atau beraksi seks hingga akhir senggama. Ada keadaan lelaki inginkan merekalah yang dirangsang dan dipuaskan oleh pasangan atau saling melakukan bersama-sama (merangsang dan dirangsang).

Oleh itu, rahsia menakluki seks lelaki bagi keadaan begini adalah bagaimana lelaki itu digoda, di turn on dan zakarnya distimulasikan oleh pasangan. Harus difahami **TIGA KEADAAN** ini boleh berlaku kepada lelaki untuk memenuhi syahwat mereka.

### KEADAAN SEKS LELAKI

Lelaki Menjadi Dominan Dalam Arena Seks

Lelaki Ingin Mereka Dirangsang Dan Dipuaskan Oleh Pasangan Dengan Aksi Mereka

Lelaki Mahu Saling Merangsang Dan Bergilir-gilir Memberi Keseronokan Dan Kenikmatan Kemudian Sama-sama Capai Kepuasan

**Berbeza pula, anggota dominan pada wanita adalah emosi.**

Rasa kenikmatan wanita hanya akan dapat dicapai apabila dipenuhi tangki emosi mereka ini secukupnya. Oleh itu, wanita sangat perlu rangsangan pada emosinya dan 2 lagi anggota seks yang dominan pada tubuh mereka iaitu payudara dan faraj.

Pintu syahwat wanita terletak pada 3 anggota ini. Kunci syahwat mereka pula berbeza setiap wanita bergantung pada kesukaan seks mereka, ini perlu diterokai, begitulah juga pada lelaki. Di mana dan cara menstimulasikannya sehingga mampu membuatkan rasa seronok, nikmat dan puas seks itu diperolehi.



Nafsu lelaki seperti kuda liar yang perlu ditakluki oleh pasangannya sehingga lelaki tersebut boleh berperanan dengan hebat. **Seksual adalah hak eksklusif suami isteri.** Kena pastikan pasangan boleh memenuhi keinginan kita kerana seksual tidak boleh diperolehi dari sumber luar.

**5 PERKARA BERIKUT YANG DIKONGSIKAN MERUPAKAN KUNCI KEPADA KENIKMATAN SUAMI.**

## 5 PERKARA YANG LELAKI PALING INGINKAN BERKAITAN SEKS

### 1 LAYANAN DAN BELAIAN SEKSUAL

- ✚ Isteri perlu menjadi seorang **penggoda, pelayan** dan **ahli khidmat** kepada suami. Contohnya, jika kita lihat zaman Raja-raja China terdahulu yang mana di istana raja, ada pelayan khas Raja dan tugas mereka adalah memberi khidmat serta layanan seperti penyikat rambut, penyedia air mandian, pemotong kuku, membuang tahi telinga dll.

Ini menunjukkan kaum lelaki menyukai mereka ini dilayan dan dihidmatkan oleh wanita. Justeru, isteri perlu ambil peranan ini untuk menakluki suami anda.

- ✚ Hubungan intim dan seks adalah proses untuk mendapatkan keintiman, ia akan membantu mengurangkan konflik, merapatkan hubungan suami isteri lalu bergerak untuk mencapai kebahagiaan yang sama.

### 2 HUBUNGAN SEKSUAL

- ✚ Tanpa jimak iaitu hanya istimta'/foreplay, sentuhan, rabaan, ejakulasi menggunakan tangan atau mulut isteri
- ✚ Dengan jimak (persetubuhan)

## DORONGAN SEKSUAL/SYAHWAT

- ✚ Memberikan motivasi dan ia satu rangsangan kepada lelaki untuk merasa yakin pada dirinya. Antara dilemma yang biasa dilalui lelaki adalah mengenai zakarnya adakah boleh memuaskan pasangannya, disfungsi seksual, tidak merasa cukup hebat dengan performance, dll .
  
- ✚ Tanda seseorang lelaki itu sudah terkesan atau tidak langsung mendapatkan dorongan seks ini. Simptonnya, mereka akan mula menjauhi pasangan, menolak ajakan pasangan, mula menunjukkan rasa tidak minat dengan seks. Suami sembunyikan perasaan insecure dan buntu.
  - Ubat kuat pada lelaki ada pada tubuh isteri dengan cara memberi dorongan seksual, galakan, pujian dan motivasi untuk tidak putus asa. Kuasai teknik komunikasi seksual suami isteri (sebelum, semasa dan selepas senggama).
  
- ✚ Dorongan ini perlu diberi sebelum, semasa dan selepas seksual. Seksual adalah satu penerokaan, isteri perlu bersabar agar suami isteri dapat cipta pengalaman seksual bersama
  - Simptom **zakar merajuk** boleh berlaku apabila pasangan tidak mainkan fungsi seksual/suami tak beri nafkah batin kepada pasangan. Hubungan seks menjadi jarak/renggang seperti mati putik, kepenatan, menyusui, anak yang ramai, dll. Kesannya, zakar seolah sejuk dan lesu untuk seks malah jika berlarutan boleh mengakibatkan seseorang lelaki itu mengalami disfungsi seksual sedangkan pada asalnya keupayaan seksnya adalah normal

- Bagi yang bujang, usahakan untuk bernikah.
- Bila berkahwin, hormon seksual akan mempengaruhi libido seseorang, berbeza bagi orang yang belum berkahwin atau sudah berpisah. Hormon ini diaktifkan melalui sentuhan dari pasangan. Hormon akan menurun ketika PJJ dan boleh meningkat dari faktor luar.
- Bila isteri melahirkan dan berpantang, suami perlu terlibat sama menjaga anak agar hormon tersebut lebih stabil dan terkawal sepanjang fasa isteri berpantang.

## 4 URUTAN LAYANAN SEKSUAL

- ✚ Dilakukan oleh isteri kepada suaminya. Berbeza dengan servis seks di pasaran gelap yang dilakukan secara haram. Isteri perlu belajar untuk meningkatkan prestasi zakar suami kerana akan membantu melancarkan saraf-saraf pada zakar. Ilmu urutan sendiri dari kitab lama diolah agar dapat diaplikasikan oleh isteri kepada pasangannya. Urutan layanan seksual adalah untuk memberi kenikmatan.
  - Urutan batin berbeza dari urutan layanan seksual iaitu tujuan merawat dan mengembalikan fungsi seksual. Perlu urutan kepada titik-titik tertentu.

## 5 FANTASI SEKSUAL

- ✚ Fantasi ini perlu disalurkan dilepaskan di tempat yang betul kerana diluar sana terdapat perkhidmatan layanan fantasi secara teks yang disediakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Kesimpulannya, isteri perlu meneroka seksual lelaki untuk menakluk suaminya. Dengan izinya, isteri akan menjadi wanita yang limited edition kerana isteri mengetahui apa yang diinginkan suaminya walaupun suaminya sendiri tidak mengetahui apa yang diperlukan oleh dirinya sendiri.

# MORNING WOOD PENTING UNTUK LELAKI !

Bagaimana morning wood anda?



## **PESERTA TANYA, MAHKOTA PUTEH JAWAB**

**Q: Penggunaan suntikan ubat untuk mengelakkan cepat pancut adakah digalakkan?**

A: Saya lebih yakin penggunaan herba, suplemen, makanan yang diperakui daripada pakar herba. Ubatan yang diambil bukan kaedah semulajadi pasti ada kesan sampingan. Isu cepat pancut perlu latihan, senaman, urutan dan peranan isteri dalam seks untuk memperolehi potensi tahan lebih lama di ranjang.

**Q: Apakah tips untuk kekal dan kunci kebahagiaan rumahtangga untuk diberikan kepada bakal suami?**

A: Secara ringkas yang boleh saya nyatakan, kunci kebahagiaan adalah menjaga kerukunan rumahtangga. Kerukunan meliputi banyak hal antara yang utama :

- a. Pasangan perlu ada matlamat dan halatuju untuk hidup berumahtangga dalam aspek dunia dan akhirat
- b. Setiap pasangan mengetahui fungsi masing-masing dalam menjalankan tanggungjawab sebagai suami isteri
- c. Suami adalah pengurus syahwat isteri dan isteri pengurus syahwat kepada suami.
- d. Pasangan mempunyai sikap yang baik serta mengamalkan cara hidup yang sejahtera bersama-sama dalam kehidupan berumahtangga

**Q: Sekiranya isteri bercerai dan berkahwin semula, adakah zakar boleh merajuk?**

A: Apabila sudah berkahwin, zakar akan kembali bersemangat. Penjarakkan akan menyebabkan zakar merajuk. 2 aspek zakar merajuk:-

- a. berpunca dari pasangan – suami nak tapi pasangan tidak bagi kerjasama (penjarakkan) atas alasan-alasan tertentu
- b. berpunca dari pihak suami sendiri menjarakkan hubungan kerana tidak bermotivasi, tidak dilatih, sengaja. Keadaan sebegini jika berterusan boleh menghilangkan fungsi seksualnya.

Apabila berkahwin, seks perlu dilakukan untuk faktor kesihatan dan faktor dirinya. Sekiranya dah mula rasa malas berfikir untuk seks, tidak dapat tidak perlu usaha untuk mengeluarkan air mani. Air mani yang terkumpul akan menyebabkan penyakit dan sekiranya lama tidak digunakan akan melemahkan otot-ototnya.

**Q: Kalau ada kekangan untuk menjaga kekerapan melakukan seksual?**

A: Perlu merancang untuk mendapatkan kualiti berbanding kuantiti seksual. Dalam kajian, tangki mani lelaki akan berkumpul dan penuh 3 hari sekali. Air mani akan diuruskan melalui 3 cara iaitu melalui persetubuhan, mimpi dan bertukar menjadi sel darah.

**Q: Kenapa selepas bersama boleh buat suami tidur?**

A: Ada buku khas dari kajian barat yang boleh dikupas kemudian. Tapi asasnya fenomena lelaki tidur selepas seks berlaku pada semua lelaki. Sebaiknya, pastikan dahulu seketika melakukan after play sebelum suami tidur seperti memberi ucapan penghargaan, bercumbuan terima kasih dan berikan pelukan kasih sayang.

## PERJALANAN SEKSUAL MENUJU WILAYAH KENIKMATAN



RELEASE

SERONOK

NIKMAT

KEPUASAN

## 4 PERKARA YANG AKAN MENJADIKAN PERJALANAN SEKS ITU SATU KENIKMATAN

Seksual dalam kehidupan berumahtangga apabila diamati tidak kekal selamanya begitu, ia melibatkan suatu fasa penerokaan sepanjang hidup berumahtangga. Fasa seksual ini akan mengalami perubahan dari mula berkahwin, kehamilan, penyusuan, anak membesar, anak bertambah, dll. Begitu juga fasa dalam seks, ia juga berubah-ubah dari satu tahap ke satu tahap berikutnya bagi mencapai ke puncak nikmat.

Apabila mengetahui perubahan tersebut, ia akan membantu mindset kita dan perilaku seks dengan pasangan kita, manakah objektif seks yang ingin dicapai mengikut keadaan, keinginan dan batas masa yang ada, 4 tahap seks ini adalah :

1. **Release** – sekadar untuk melepaskan/bertahan
2. **Seronok** – melibatkan aksi-aksi seks yang mengujakan
3. **Nikmat** – untuk mencapai kenikmatan ini perlu melalui 2 fasa sebelumnya.
4. **Kepuasan** – memerlukan tempoh masa yang cukup untuk mencapainya

Sekiranya waktu haid, suami masih mencapai kesemua fasa tersebut. Bagi wanita, dia hanya boleh capai sehingga fasa seronok sahaja begitu juga ketika sarat mengandung. Bila faham mengenai fasa ini, kita akan ada mindset dan tidak meletakkan expectation tinggi kepada pasangan. Contohnya ketika ramadhan, tempoh agak terhad. Namun ada kaedah fast/quick seks yang boleh membantu sehingga mencapai kenikmatan seks. 4 perkara ini perlu disusun dan ia melibatkan mindset.

## 4 PERKARA ASAS YANG MEMPENGARUHI BAGI SETIAP FASA YANG DINYATAKAN :-


### 1. AKSI/GAYA SEKSUAL YANG MEMPENGARUHI RASA SENSASI SEKSUAL



### 2. POSISI SEKS TERPILIH



### 3. DURASI/TEMPOH MASA



### 4. REAKSI SEKSUAL



#### **4 PERKARA ASAS YANG MEMPENGARUHI BAGI SETIAP FASA YANG DINYATAKAN :-**

##### **✓ AKSI/GAYA SEKSUAL YANG MEMPENGARUHI RASA SENSASI SEKSUAL**

- Lakukan pelbagai penerokaan aksi seks seperti cumbuan, urutan, handjob, blowjob dan pelbagai teknik seks sebabnya setiap aksi itu memberikan rasa seks yang berlainan

##### **✓ POSISI SEKS TERPILIH**

- Pemilihan posisi seks yang nikmat serta peralihan posisi seks yang pelbagai dalam satu tempoh masa seks akan meningkat rasa nikmat ke arah kepuasan seksual

##### **✓ DURASI/TEMPOH MASA**


- 10-40 minit untuk total keseluruhan hubungan seks

##### **✓ REAKSI SEKSUAL**

- Mimik muka, suara perlu jujur/tidak fake. Reaksi seksual sangat penting dilakukan dalam seks, ia melibatkan pelbagai reaksi atau respon tubuh untuk dinilai oleh pasangan. Tentunya ia akan mencipta keterujaan dan peningkatan kehangatan ghairah ketika beraksi seks

#### **Q: Apa yang boleh dilakukan sekiranya pasangan ter'turn-off'?**

A: Sekiranya zakar suami terlayu (hilang ereksi), kalian ada 3 kali percubaan sahaja, andai berlaku keadaan ini di mana lelaki turn-off ketika bersama. Bagi pasangan baru berkahwin, berahi hilang mungkin sebab foreplay terlalu lama, bagi pasangan yang sudah lama berkahwin berkemungkinan aksi seks yang bosan, tidak fokus/tidak interact, terlalu penat. Perlu diperbaiki dengan teknik iaitu pada sentuhan zakar untuk kembalikan reaksi zakar dan perlu berikan suami rehat yang cukup bagi kecukupan tenaga batinnya.



**7 PERKARA YANG  
LELAKI MAHUKAN BAGI  
MENAKLUKI SYAHWATNYA**

## **7 PERKARA YANG LELAKI MAHUKAN BAGI MENAKLUKI SYAHWATNYA iaitu:**

- 1) NAK diajak ke ranjang
- 2) NAK digoda
- 3) NAK dibelai, diurut dan dilayani
- 4) NAK diforeplay untuk tahan lama dan di kekalkan semangat seksualnya agar sentiasa membara
- 5) NAK dipuaskan – terutama sekitar umur 30 hingga 40-an
- 6) NAK difahami apa yang diinginkan tanpa diberitahu dan memberikan dorongan seks malah mengherokan suami di ranjang
- 7) NAK dipenuhi fantasi seksnya, kesukaannya dan keinginan suami dalam seks selagi tidak melampaui batas

Lelaki pada umur 30 an ini, boleh dikatakan mereka di fasa 'golden age' untuk mencukupkan segala kecukupan dan kestabilan ekonomi mereka. Apabila fokus lebih pada kerja, ia boleh menyebabkan libido drop dan perlukan satu booster untuk menaikkan libidonya kembali. Panduan bagi isteri yang pasangannya 30 an-40 an, 7 perkara yang dinyatakan di atas sangat perlu diambil perhatian untuk dilakukan peranannya oleh isteri.

### **Q: Adakah fantasi ini perlu dibincangkan dengan pasangan?**

A: Fantasi boleh dibuat serta disampaikan melalui teknik sexting dan komunikasi seksual. Ia perlu bermula dengan pillow talk mengenai kesukaan dan keinginan dari kedua belah pihak. Kedua pasangan mesti berfikiran terbuka untuk menerima sebarang pujian, dorongan, kritikan. Semua ini adalah suatu 'process and progress' untuk tambah baik malah mencipta pengalaman seks bersama lalu membantu meningkatkan prestasi dan menyerlahkan potensi seks masing-masing agar saling memuaskan setiap kali di ranjang.

Tugas lelaki dalam fungsi seksual adalah ereksi dan boleh tahan lama agar boleh meneroka pelbagai aksi serta posisi seks dan dengan itu ada waktu yang cukup untuk memberi kenikmatan dan kepuasan kepada isteri, sebaiknya sebulan boleh beri isteri mencapai orgasme agar fikiran dan emosi isteri tidak terganggu. Sebab itu, di pasaran banyak produk berunsurkan sentimen tahan lama yang belum pasti keberkesannya.

Sangat perlu berhati-hati!

**Q: Adakah kepuasan suami yang berpoligami berbeza?**

A: Bagi suami berpoligami, ada mindset yang kuat dan perlu sedar dia perlu ada zakar yang bertahan lama untuk memuaskan pasangan-pasangnya. Seks lelaki seperti suis, cepat on dan off. Berbeza dengan wanita yang perlukan pemanasan. Kepuasan dapat dicapai melalui aspek kualiti dan kuantiti. Perlu fahami 2 terma ini:



- a) Orgasme - ada kepuasan sekiranya aksi, posisi, durasi itu dilakukan dengan cukup, dapat memuaskan isteri dan isteri memberikan reaksi seksual yang betul
- b) Klimaks/ejakulasi – keluar air mani secara memancut (pada lelaki) atau meleleh (pada wanita)

**Q: Bagaimana sekiranya semasa puasa masih terbayang-bayang?**

A: Puasa itu boleh menjadi terapi seksual iaitu menahan nafsu dan kedua meningkatkan nafsu. Penerangan lengkap ada di Risalah Perkahwinan Tentang Seks Dan Ramadan.

## EREKSI LELAKI


Ereksi adalah satu keadaan di mana zakar lelaki membesar, mengeras dan menegang. Fenomena ereksi ini akan berlaku dengan sangat baik jika pengaliran darah di bahagian zakar itu lancar.



### 8 PERKARA MEMBUATKAN ZAKAR LELAKI TEGANG BERDASARKAN KHAZANAH SEKSUAL WARISAN MELAYU LAMA

- **HORMON** – biasanya zakar menjadi tegang kerana pengaruh hormon yang dikeluarkan. Hormon seks lelaki adalah testosterone dan hormon ini mesti melebihi hormon estrogen dalam tubuh lelaki, barulah potensi seksual lelaki itu berada dalam keadaan yang bagus. Estrogen tinggi dapat dikenalpasti apabila payudara lelaki mula gelebeh.
- **FANTASI/GELORA DI DALAM OTAK** – ini merupakan keadaan di mana seseorang itu didatangi fantasi seksual yang tumbuh daripada pengalaman seks atau keinginan syahwatnya, lalu menyebabkan dia bersyahwat dan bergelajak.

- **KEPANASAN SELAPUT-SELAPUT LENDIR –**




biasanya ramuan rempah-rempah menimbulkan rasa panas pada selaput-selaput lendir. Rempah-rempah ini mempengaruhi otak serta sum-sum tulang belakang lalu mempengaruhi selaput pundi kencing dan saluran kencing. Rasa panas itu akan menyebabkan zakar tegang. Antaranya; garam, lada hitam, cabai, bawang, jintan, halia dan kulit kayu hitam. Kepanasan akan membuatkan saraf tersebut aktif yang boleh menegangkan zakar.

- **PEMAKANAN/KEMBANG ISI PERUT –** makanan-makanan yang mengembangkan kisanan makanan dan isi perut usus, ia boleh mendatangkan ketegangan kepada saraf-saraf jantina dan menyebabkan zakar menjadi tegang. Antara makanannya adalah keju, sayuran dan telur. Untuk telur boleh makan dengan cara buat telur separuh masak di waktu pagi.



- **UBAT-UBAT KUAT –** ada ubat tertentu yang boleh menguatkan nafsu syahwat tanpa menyentuh otak dan selaput lendir. Namun perlu diutamakan ia dari sumber yang diperakui oleh badan autoriti, ubat itu tidak membahayakan.

- **PUNDI KENCING PENUH** – apabila pundi kencing penuh berisi maka ketika itu zakar menjadi tegang kerana dipengaruhi pundi kencing penuh berisi itu. Biasanya sewaktu bangun pagi zakar keras menegang. Orang berumur akan memanfaatkan pada masa ini untuk berhubungan intim.
- **PERSENTUHAN ANGGOTA JANTINA** - saraf kelazatan ada di bahagian kepala zakar dan ketika dayungan seks dilakukan, pergeseran dari sorong keluar masuk zakar ke lubang vagina akan menimbulkan kepanasan yang meninggi dan rasa geli yang mendalam. Persetubuhan itu tujuannya untuk menyentuh dan berikan rangsangan kepada saraf kelazatan di kepala zakar itu. Urutan yang diajarkan oleh orang dulu untuk melatih dan mengasah kepala zakar agar dapat tahan lama. Penggunaan kondom sesuai untuk tahan lama namun kepuasan sentuhan kulit ke kulit tidak dapat dicapai.




- **PUKULAN** - boleh memberi kenikmatan namun tidak boleh dilakukan secara ekstrim. Di barat penggunaan bondage dan penderitaan mangsa masih mendatangkan ketegangan pada zakar dan ketinggian syahwat, namun seks dengan cara begini merupakan suatu perbuatan yang menyalahi fitrah serta ia perbuatan penyimpangan seksual.

## SARANAN CARA UNTUK MEMBUATKAN LELAKI LEBIH SERONOK DALAM SENGGAMA

Apakah posisi seks yang mampu membuat lelaki teruja/nakal berfantasi dan antara teknik untuk mengelakkan berahi lelaki itu ter turn off ketika seks.

- Memasukkan zakar secara membelakangi pasangan iaitu (**DOGGY STYLE**). Ketika beraksi dayungan seks perlulah sambil memegang tubuh isteri, berikan sedikit pukulan manja di punggung dan meramas-ramas punggung isteri. Ia akan berikan sensasi seks yang nikmat lalu membuatkan makin meningkatnya gelombang syahwat untuk ke puncak nikmat.



- Ketika suami **MAN ON TOP** - isteri berikan tekanan pada zakar yang tegang, tumpukan pada batang zakar. Ia dapat membuatkan zakar menjadi lebih tegang (genggam pada batang zakar, beri tekan sikit/handjob sikit) dan menjadikan dayungan seks ketika sangat nikmat dan puas.




## KESIMPULAN

**ZAKAR** adalah organ seksual lelaki, maka segala aktiviti yang terjadi pada alat sulit lelaki ini akan dikaitkan dengan segala hal yang berkaitan dengan seks. Zakar boleh tegang apabila dirangsang secara seksual dari deria penglihatan, pendengaran, bau, sentuhan mahupun fantasi (fikiran).

Tidak hanya itu, mungkin ada juga keadaan di mana zakar berereksi secara spontan. Ia berlaku akibat darah yang mengalir dan mengisi salur di dalamnya secara automatik serta tanpa kawalan. Ilustrasi dibawah adalah keadaan zakar sewaktu tiada apa-apa rangsangan kemudian keadaan zakar yang mengalami **ereksi maksimum**.

a. Keadaan zakar dalam keadaan biasa



b. Keadaan zakar dalam keadaan berereksi



- Menegang, keras, panjang, besar, berurat, macam spring apabila daya tolakan diberikan, hangat dan mendongak

Proses ereksi ini adalah sangat penting di dalam sistem pembiakan lelaki kerana ia bertujuan untuk melepaskan air mani dan sperma ketika berejakulasi di saat hubungan seks berlangsung.

Kebiasaannya, ereksi zakar akan bermula menegang, keras setelah dirangsang dan boleh bertahan selama beberapa minit (semasa hubungan seks berlaku) kemudian kendur secara sendiri selepas tamat melakukan hubungan seksual.



Untuk mendapatkan penerangan dan huraian yang lebih jelas bagi setiap subtopik., sila dengar Rakaman Live Sesi Webinar GNB, Mahkota Puteh Siri 1 ini.

Saranan Panel Pengisi :

Nota ini sangat menarik, jelas dan akan lebih difahami penyampaiannya sambil anda mendengar ulasan daripada Mahkota Puteh. Selamat Meneroka Nafkah Batin.

**NOTA**

**NOTA**

# PRODUK DAN PERKHIDMATAN GNB

01

## Karya Seni Nafkah Batin

Risalah Perkahwinan  
Meneroka Nafkah Batin (MNB)



- Panduan persetubuhan suami isteri
- Mempunyai pelbagai topik seksual
- Terdiri daripada 6 buah karya seksual

#sesuai untuk bakal pengantin & suami isteri

02

## Gelora Nafkah Batin Next Level (GNBNL)

Modul Khas Seni Bercinta Menakluki Suami (Eksklusif Untuk Isteri Sahaja)



- Menguasai kemahiran seni nafkah batin
- Meningkatkan pengetahuan seksual
- Meneroka rahsia seksual lelaki & wanita

#khas untuk isteri

03

## Karya Terbaru How To Sex



- Karya ini akan menjadi panduan terbaik untuk membimbing anda meneroka adab dan etika seksual serta cara jimak yang memuaskan

04

## Webinar Pengetahuan Seks Dan Hubungan Intim



- Bimbingan pengajaran dan perkongsian tentang seks dalam rumahtangga secara 'live session'

05

## Facebook Group & Page



- FB Group Khas Untuk Isteri (Eksklusif Untuk Isteri Sahaja)
- FB Page Segmen Hukum Jimak & Seni Nafkah Batin

06

## Telegram Public Channel

(Terbuka untuk semua)



- Rahsia Pesona Seksual Wanita
- Rahsia Kelelakan Hebat dan Seksual Lelaki

07

## Sesi Konsultasi TMP

Perunding Rumahtangga dan Terapi Seksual



- Mendengar masalah hubungan intim
- Menganalpasti masalah seksual
- Mencadangkan solusi

08

## Kursus Malam Pengantin (KMP)

Khas Buat Bakal Pengantin & Pengantin Baru



-Bakal menemui anda 2025 ini



Mahkota Puteh



@mahkotaputeh



@mahkotaputeh



@mahkotaputeh

MAHKOTA PUTEH, GNB  
KHAZANAH SEKSUAL MELAYU



**SCAN  
ME!**



<https://linktr.ee/GeloraNafkahBatin>

**SEKIAN, TERIMA KASIH**